

Kepentingan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Permainan Kreatif

Zailatul Nazirah Zakaria^{1*}, Zaharah Osman², Anis Norma Mohamad³,
Norhashimah Abdul Rani⁴, Noradibah Jusoh⁵

^{1,2,3,4}Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

⁵Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah, Malaysia

*Email: zaizinnirah@gmail.com

Published: 06 January 2025

To cite this article (APA): Zakaria, Z. N., Osman, Z., Mohamad, A. N., Abdul Rani, N., & Jusoh, N. (2025). Kepentingan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah melalui permainan kreatif. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 11(1), 19–27. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.1.3.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.1.3.2025>

ABSTRAK

Kemahiran sosial merupakan elemen penting dalam perkembangan kanak-kanak prasekolah, memainkan peranan kritikal dalam membentuk keupayaan mereka untuk berinteraksi, bekerjasama, dan memahami perasaan orang lain. Penyelidikan ini menumpukan kepada kepentingan permainan kreatif sebagai medium untuk mengembangkan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Permainan kreatif memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk mengekspresikan diri, mengatasi konflik, dan membina hubungan interpersonal yang sihat. Kajian ini akan membincangkan teori-teori perkembangan sosial kanak-kanak dan bagaimana permainan kreatif dapat diintegrasikan dalam kurikulum prasekolah untuk meningkatkan kemahiran sosial. Melalui analisis literatur dan kajian kes, kertas konsep ini akan menonjolkan bukti-bukti empirikal yang menyokong keberkesanannya permainan kreatif dalam memupuk kemahiran komunikasi, kerjasama, dan empati. Implikasi kajian ini adalah untuk memberi cadangan kepada pendidik prasekolah dan pembuat dasar tentang strategi terbaik dalam mengaplikasikan permainan kreatif sebagai alat pembangunan sosial yang berkesan.

Keywords: Kemahiran Sosial, Permainan Kreatif, Prasekolah, Kanak-Kanak

PENGENALAN

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan keseluruhan kanak-kanak, termasuk aspek fizikal, kognitif, emosi, dan sosial. Kemahiran sosial adalah keupayaan kanak-kanak untuk berinteraksi dengan orang lain, memahami dan menghargai perasaan serta perspektif mereka, dan berkelakuan dengan cara yang diterima dalam masyarakat. Pembangunan kemahiran sosial pada usia prasekolah adalah kritikal kerana ia memberikan asas untuk kejayaan akademik dan hubungan interpersonal pada masa hadapan (Denham et al., 2015). Pendidikan awal menyediakan persekitaran yang kaya dengan peluang untuk kanak-kanak berlatih dan memperkembangkan kemahiran sosial mereka. Melalui interaksi dengan rakan sebaya dan guru, kanak-kanak belajar tentang peraturan sosial, resolusi konflik, empati, dan kerjasama. Aktiviti kumpulan, permainan berstruktur, dan waktu bercerita adalah beberapa kaedah yang digunakan untuk mengajar kemahiran sosial secara langsung. Kajian menunjukkan bahawa program pendidikan awal yang berkualiti tinggi mempunyai kesan positif terhadap perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak. Kajian oleh Bierman et al. (2018) mendapatkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam program Head Start menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran sosial dan pengawalan emosi mereka berbanding dengan kanak-kanak yang tidak terlibat dalam program tersebut. Begitu juga, kajian oleh Jones et al. (2017) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang menghadiri program prasekolah berkualiti tinggi lebih cenderung untuk membina hubungan positif dengan rakan sebaya dan guru mereka.

Dalam era globalisasi dan teknologi yang semakin pesat, kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah merupakan aspek penting dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kajian oleh Jones dan Kahn (2022) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai kemahiran sosial yang baik cenderung untuk mempunyai hubungan yang lebih baik dengan rakan sebaya, kurang masalah tingkah laku, dan lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran sosial. Kemahiran sosial yang mantap pada peringkat prasekolah juga menjadi asas kepada pembentukan personaliti dan pencapaian akademik yang baik di masa hadapan (Walker et al., 2021). Selain itu, kemahiran sosial yang baik membantu kanak-kanak untuk berinteraksi dengan rakan sebaya, guru, dan orang dewasa dalam persekitaran mereka dengan cara yang positif dan konstruktif (Elias & Schwab, 2020). Penekanan terhadap kemahiran sosial dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah penting kerana ia bukan sahaja menyokong perkembangan emosi dan sosial, tetapi juga mempengaruhi pencapaian akademik dan kesejahteraan keseluruhan kanak-kanak (Denham et al., 2020). Kemahiran ini bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan interpersonal dan intrapersonal kanak-kanak tetapi juga membentuk asas kepada pencapaian akademik dan kesejahteraan emosi mereka. Menurut Piaget (1952) dan Vygotsky (1978), pengalaman sosial pada awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam pembentukan kognitif dan sosial. Namun, kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah sering menghadapi cabaran dalam mengembangkan kemahiran sosial yang diperlukan untuk berinteraksi dengan rakan sebaya dan orang dewasa (Gagnon & Nagle, 2004).

Permainan kreatif merujuk kepada aktiviti yang dirancang atau tidak dirancang di mana kanak-kanak menggunakan imaginasi mereka untuk mencipta situasi, cerita, atau objek yang baru dan berbeza. Aktiviti ini boleh melibatkan pelbagai alat dan bahan seperti blok bangunan, tanah liat, lukisan, dan main peranan (*pretend play*). Berk (2024) menunjukkan bahawa permainan kreatif bukan sahaja penting untuk perkembangan individu kanak-kanak tetapi juga untuk integrasi sosial. Kanak-kanak yang terlibat dalam permainan kreatif lebih cenderung untuk menunjukkan empati dan kemahiran penyelesaian konflik yang lebih baik apabila mereka berinteraksi dengan orang lain. Lillard (2023) menjelaskan bahawa permainan kreatif juga berkait rapat dengan perkembangan bahasa kanak-kanak. Apabila kanak-kanak terlibat dalam permainan imaginatif, mereka sering menggunakan bahasa untuk menyampaikan cerita dan idea mereka. Ini memperkayakan perbendaharaan kata dan kemampuan komunikasi mereka. Ginsburg (2022) pula menyatakan bahawa permainan kreatif adalah medium penting bagi kanak-kanak untuk meneroka dunia sekeliling mereka dan memahami pelbagai peranan sosial. Melalui main peranan, kanak-kanak belajar untuk bekerjasama, berkongsi, dan memahami perspektif orang lain. Ini adalah elemen penting dalam perkembangan kemahiran sosial. Russell (2021) menekankan bahawa permainan kreatif adalah asas kepada perkembangan kognitif dan emosi kanak-kanak.

Melalui permainan ini, kanak-kanak belajar untuk menyelesaikan masalah, berfikir secara kritis, dan mengembangkan kemahiran motor halus dan kasar. Tambahan lagi, permainan kreatif membantu kanak-kanak membina konsep diri yang positif dan meningkatkan keyakinan diri mereka. Menurut Smith (2020), permainan kreatif membolehkan kanak-kanak mengembangkan pemikiran divergen dan kemampuan untuk melihat pelbagai kemungkinan dalam satu situasi. Ia juga memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengekspresikan emosi mereka dan mengembangkan kemahiran sosial melalui interaksi dengan rakan sebaya.

SOROTAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian oleh Ismail, S., dan Omar, N. (2022) menyelidiki keberkesanan aktiviti bermain kreatif dalam mempertingkatkan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. Kajian ini memberi tumpuan kepada bagaimana aktiviti bermain kreatif, seperti permainan berperanan, permainan kerjasama, dan seni kolaboratif, boleh membantu kanak-kanak membina kemahiran sosial yang penting, seperti kerjasama, komunikasi, dan penyelesaian masalah. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kuasi-eksperimen dengan melibatkan dua kumpulan kanak-kanak prasekolah; kumpulan eksperimen yang terlibat dalam aktiviti bermain kreatif dan kumpulan kawalan yang terlibat dalam aktiviti biasa. Pengkaji menggunakan skala penilaian kemahiran sosial untuk mengukur perubahan dalam kemahiran sosial kanak-kanak sebelum dan selepas intervensi. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran sosial kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti bermain kreatif berbanding dengan

kumpulan kawalan. Aktiviti seperti permainan berperanan dan seni kolaboratif didapati sangat berkesan dalam membantu kanak-kanak memahami peranan sosial dan mengembangkan empati serta kemahiran komunikasi. Kajian ini mencadangkan bahawa integrasi aktiviti bermain kreatif dalam kurikulum prasekolah boleh menjadi satu pendekatan yang efektif untuk memperkuatkan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak. Pengkaji juga menekankan kepentingan latihan kepada guru-guru prasekolah untuk melaksanakan aktiviti ini dengan lebih berkesan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyokong pandangan bahawa bermain kreatif bukan sahaja memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berseronok tetapi juga membina kemahiran sosial yang penting untuk perkembangan mereka.

Kajian oleh Lee dan Kim (2021) mengkaji bagaimana permainan kreatif mempengaruhi perkembangan sosial kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan permainan kreatif terhadap kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. Ia berfokus kepada bagaimana aktiviti yang melibatkan kreativiti seperti bermain peranan, permainan koperatif, dan seni kolaboratif boleh mempengaruhi interaksi sosial dan pembangunan emosi mereka. Lee dan Kim menggunakan pendekatan kuantitatif dengan rekaan eksperimen. Mereka melibatkan dua kumpulan kanak-kanak prasekolah iaitu satu kumpulan yang terlibat dalam aktiviti permainan kreatif secara berkala dan kumpulan kawalan yang tidak terlibat dalam aktiviti tersebut. Pengukuran termasuk pemerhatian tingkah laku, penilaian kemahiran sosial oleh pendidik, dan soal selidik kepada ibu bapa. Penemuan utama ialah kanak-kanak dalam kumpulan yang terlibat dalam permainan kreatif menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran sosial seperti komunikasi, kerjasama, dan empati. Mereka lebih cenderung untuk berinteraksi dengan rakan sebaya mereka dengan cara yang positif dan konstruktif. Penemuan kedua ialah aktiviti permainan kreatif membantu kanak-kanak menguruskan emosi mereka dengan lebih baik.

Mereka belajar mengenali dan mengendalikan emosi melalui peranan yang mereka mainkan dalam aktiviti tersebut. Penemuan ketiga ialah kreativiti dan inovasi. Kanak-kanak yang terlibat dalam permainan kreatif menunjukkan tahap kreativiti yang lebih tinggi dalam aktiviti sehari-hari mereka, yang berkaitan dengan peningkatan dalam kemahiran sosial. Kajian ini menyimpulkan bahawa permainan kreatif mempunyai kesan positif terhadap perkembangan sosial kanak-kanak. Aktiviti seperti bermain peranan, permainan koperatif, dan seni kolaboratif tidak hanya mempromosikan interaksi sosial yang lebih baik tetapi juga membantu kanak-kanak menguruskan emosi mereka dengan lebih efektif. Hasil kajian ini menyarankan agar pendidik dan ibu bapa mengintegrasikan lebih banyak aktiviti permainan kreatif dalam rutin harian kanak-kanak untuk menyokong perkembangan sosial dan emosi mereka.

Kajian Walker et al. (2020) melihat kesan program intervensi sosial di prasekolah terhadap perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak. Dapatkan menunjukkan bahawa intervensi yang dirancang dengan baik dapat memperbaiki interaksi sosial dan mengurangkan tingkah laku agresif. Kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Smith et al. (2019) menyiasat hubungan antara aktiviti bermain kreatif dan perkembangan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kajian mendapati bahawa permainan kreatif dapat meningkatkan kemahiran komunikasi, kerjasama, dan penyelesaian masalah sosial. Bierman et al. (2018) menganalisis kesan program Head Start terhadap perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak. Dapatkan menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran pengurusan emosi dan interaksi sosial di kalangan peserta. Manakala kajian Jones et al. (2017) pula menilai impak program prasekolah berkualiti tinggi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak. Hasil kajian pengkaji menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam program ini lebih berjaya dalam membina hubungan positif dan menunjukkan kemahiran sosial yang lebih baik.

ISU KAJIAN

Dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi yang pesat, kemahiran sosial kanak-kanak sering kali terabai. Kanak-kanak lebih cenderung menghabiskan masa dengan alat elektronik berbanding berinteraksi dengan rakan sebaya melalui aktiviti fizikal dan permainan kreatif. Kajian menunjukkan bahawa kekurangan kemahiran sosial pada usia prasekolah boleh membawa kepada masalah tingkah laku dan kesukaran dalam pembelajaran di kemudian hari (Smith, 2021). Tambahan pula, sistem pendidikan di Malaysia masih kurang menekankan pembangunan kemahiran sosial melalui kaedah intervensi yang kreatif dan berkesan (Ahmad et al., 2022). Kajian oleh Ladd, Birch, dan Buhs (1999) mendapati bahawa kanak-kanak yang tidak mempunyai kemahiran sosial yang baik lebih cenderung menghadapi masalah tingkah laku dan emosi. Sistem pendidikan prasekolah di Malaysia masih kurang

menawarkan modul yang berstruktur dan berfokus kepada pembangunan kemahiran sosial melalui permainan kreatif. Modul yang sedia ada lebih menumpukan kepada aspek akademik dan kognitif, mengabaikan aspek sosial dan emosional yang sama pentingnya (Rahman, 2023). Guru prasekolah sering kali tidak diberikan latihan yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti permainan kreatif yang dapat membantu dalam pembangunan kemahiran sosial. Menurut kajian oleh Tan et al. (2021), guru-guru menghadapi kesukaran dalam merancang dan melaksanakan aktiviti yang memupuk kemahiran sosial kerana kurangnya panduan dan sokongan. Kajian oleh Lee dan Goh (2020) mendapati bahawa kanak-kanak yang banyak menggunakan peranti elektronik mempunyai tahap interaksi sosial yang rendah. Kekurangan interaksi ini boleh menyebabkan mereka menghadapi kesukaran dalam berkomunikasi dan bekerjasama dengan rakan sebaya.

Laporan terbaru dari Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menekankan kepentingan pembangunan kemahiran sosial pada peringkat awal kanak-kanak untuk memastikan kesejahteraan mental dan sosial yang baik pada masa akan datang. WHO mengesyorkan agar program pendidikan awal kanak-kanak mengintegrasikan permainan kreatif sebagai sebahagian daripada kurikulum untuk memupuk kemahiran sosial dan emosional (WHO, 2023). Di Australia, satu modul yang dibangunkan khusus untuk meningkatkan kemahiran sosial melalui permainan kreatif menunjukkan hasil yang positif. Modul ini termasuk aktiviti seni dan kraf, permainan kumpulan, dan sesi bercerita yang melibatkan interaksi sosial. Kajian oleh Brown et al. (2022) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam modul ini menunjukkan peningkatan dalam kemampuan mengurus konflik dan meningkatkan rasa hormat terhadap orang lain. Satu kajian kes di Singapura menunjukkan bahawa program intervensi yang menggunakan permainan kreatif berjaya meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. Program ini melibatkan aktiviti seperti permainan peranan, lukisan bersama, dan permainan konstruktif. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran komunikasi, empati, dan kerjasama dalam kalangan kanak-kanak yang terlibat (Lim & Wong, 2021).

KEPENTINGAN PERMAINAN KREATIF

Permainan kreatif memainkan peranan penting dalam perkembangan sosial kanak-kanak prasekolah. Melalui permainan kreatif, kanak-kanak berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan sebaya, mengembangkan kemahiran komunikasi, dan belajar menyelesaikan konflik dengan cara yang positif. Permainan ini juga membantu kanak-kanak memahami dan mengamalkan nilai-nilai sosial seperti berkongsi, menunggu giliran, dan bekerjasama. Permainan kreatif juga membantu kanak-kanak mengembangkan empati. Melalui permainan peranan, kanak-kanak belajar untuk memahami dan merasakan apa yang dialami oleh orang lain. Kajian oleh Green dan White (2023) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam permainan kreatif lebih cenderung untuk menunjukkan empati dan keprihatinan terhadap perasaan orang lain. Permainan kreatif sering melibatkan penyelesaian masalah di mana kanak-kanak perlu mencari cara untuk mencapai matlamat permainan. Ini mengembangkan kemampuan mereka untuk berfikir kritis dan kreatif. Kajian oleh Lee et al. (2022) menunjukkan bahawa permainan kreatif dapat meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah kanak-kanak prasekolah.

Melalui permainan kreatif, kanak-kanak belajar untuk bekerja secara bersama-sama dalam kumpulan. Aktiviti seperti membina sesuatu bersama atau bermain permainan berpasukan memerlukan kerjasama dan koordinasi. Menurut kajian oleh Brown dan Jones (2021), kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti permainan kreatif menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran kerjasama dan kemampuan untuk bekerja dalam kumpulan. Permainan kreatif menyediakan platform bagi kanak-kanak untuk berkomunikasi secara efektif dengan rakan sebaya. Mereka belajar bagaimana untuk menyampaikan idea, mendengar pendapat orang lain, dan berunding untuk mencapai tujuan bersama. Kajian oleh Smith et al. (2020) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam permainan kreatif menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran komunikasi mereka.

TEORI-TEORI KEMAHIRAN SOSIAL

Teori Perkembangan Sosial Lev Vygotsky menekankan peranan interaksi sosial dalam perkembangan kognitif dan kemahiran sosial kanak-kanak. Beliau memperkenalkan konsep zon perkembangan proksimal (ZPD) dan scaffolding, yang mana kanak-kanak belajar melalui bimbingan orang dewasa atau rakan sebaya yang lebih mahir. Kajian terkini yang menyokong konsep teori ini adalah Fleer, M. (2021) yang membincangkan tentang perkembangan dunia bermain digital dalam konteks pandemik COVID-19. Kajian ini berfokus kepada perubahan dalam bentuk permainan; di mana keadaan pandemik COVID-19 telah mempercepatkan peralihan dari permainan fizikal ke permainan digital, terutama di kalangan kanak-kanak. Kajian ini melihat bagaimana dunia bermain digital (*digital playworlds*) menjadi penting ketika interaksi sosial fizikal terhad. Konsep 'Conceptual PlayWorlds' yang diperkenalkan dan dikembangkan oleh Fleer iaitu dunia bermain yang dicipta secara digital di mana kanak-kanak boleh mengambil bahagian dalam aktiviti bermain yang melibatkan naratif dan konsep-konsep tertentu. Ini bukan sahaja membolehkan kanak-kanak meneruskan permainan mereka secara digital, tetapi juga membuka peluang untuk pembelajaran melalui pengalaman bermain. Kajian ini juga menekankan bagaimana permainan digital telah menjadi medium bagi interaksi antara generasi, seperti antara kanak-kanak dan ibu bapa atau datuk nenek. Pandemik ini menyaksikan peningkatan dalam penggunaan teknologi untuk mengekalkan hubungan antara ahli keluarga yang tinggal berjauhan. Melalui 'Conceptual PlayWorlds,' kanak-kanak tidak hanya bermain secara digital, tetapi mereka juga terlibat dalam perkembangan sosioemosi dan kognitif. Permainan ini menyokong pembangunan konsep-konsep penting sambil membina hubungan sosial melalui naratif bersama. Fleer menekankan bahawa dunia bermain digital menjadi lebih relevan dan penting dalam era pandemik, di mana ia menyediakan platform yang selamat dan menyeronokkan bagi kanak-kanak untuk terus bermain dan belajar, walaupun dalam keadaan yang mencabar.

Kajian berikutnya oleh Pyle dan Danniels (2017) yang meneroka peranan guru dalam pedagogi berdasarkan permainan dan bagaimana guru boleh mengimbangi antara permainan bebas dan intervensi pengajaran. Kajian ini mengusulkan konsep "kontinuum" dalam pembelajaran berdasarkan permainan, di mana tahap penglibatan guru dalam aktiviti permainan kanak-kanak boleh berbeza-beza dari minimum hingga maksimum. Pada satu hujung kontinuum, terdapat permainan bebas di mana kanak-kanak memimpin tanpa banyak campur tangan daripada guru. Di hujung yang lain, terdapat permainan yang sangat berstruktur dengan penglibatan aktif guru untuk mencapai objektif pembelajaran tertentu. Penulis menekankan bahawa guru memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran kanak-kanak melalui permainan. Guru perlu tahu bila untuk campur tangan dan bila untuk membiarkan kanak-kanak meneroka secara bebas. Ini memerlukan guru untuk mempunyai kefahaman mendalam tentang bagaimana permainan menyokong perkembangan kanak-kanak dan bagaimana untuk merangka aktiviti permainan yang dapat memenuhi objektif pendidikan sambil mengekalkan elemen keseronokan dan kebebasan dalam permainan. Salah satu kebimbangan yang dibincangkan dalam kajian ini adalah ketakutan bahawa penglibatan terlalu banyak dari pihak guru boleh "merampas" permainan kanak-kanak, menjadikannya lebih seperti kerja daripada permainan. Apabila guru terlalu fokus pada objektif pembelajaran, ini boleh menghilangkan kreativiti dan kebebasan yang sepatutnya hadir dalam permainan. Kajian ini menyeru kepada pendekatan yang lebih seimbang di mana guru menggunakan strategi yang sensitif terhadap konteks permainan sambil memastikan pembelajaran tetap berlaku.

Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura menekankan bahawa pembelajaran sosial berlaku melalui pemerhatian dan peniruan. Konsep utama termasuk modeling, reinforcement, dan self-efficacy. Dalam konteks permainan kreatif, kanak-kanak dapat memerhati dan meniru tingkah laku sosial yang positif seperti berkongsi, bergilir-gilir, dan bekerjasama. Permainan kreatif memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengamalkan dan menguatkan kemahiran sosial yang mereka perhatikan dalam persekitaran mereka. Kajian terkini ialah Bandura, A. (2018), yang mengembangkan konsep "*human agency*," iaitu keupayaan individu untuk bertindak dengan tujuan dan mengambil tanggungjawab atas tindakan mereka dalam dunia yang dinamik dan kompleks. Bandura menekankan bahawa manusia bukan hanya reaktif terhadap pengaruh persekitaran tetapi juga merupakan agen aktif yang mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi situasi dan peristiwa. Terdapat tiga komponen utama dalam agen manusia ini iaitu Intentionality (Niat) yang merujuk kepada kemampuan seseorang untuk menetapkan niat atau tujuan dan kemudian mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mencapainya. Bandura menekankan bahawa niat ini adalah langkah pertama dalam merealisasikan tindakan manusia

yang terarah. Seterusnya adalah Forethought (Perencanaan) yang mana manusia bukan sahaja bertindak berdasarkan masa kini tetapi juga berdasarkan jangkaan masa depan. Perencanaan ini melibatkan menetapkan matlamat, meramalkan akibat tindakan, dan merancang cara untuk mencapainya. Ini membolehkan individu bertindak secara proaktif, bukan hanya reaktif. Self-Reactivity (Kawalan Diri) melibatkan kemampuan untuk memantau dan mengatur tindakan seseorang. Bandura menyatakan bahawa agen manusia memerlukan kawalan diri untuk menyesuaikan tindakan mereka dengan standard peribadi atau norma sosial. Ini membantu dalam mengekalkan disiplin diri dan bertindak sesuai dengan nilai dan kepercayaan peribadi. Seterusnya ialah Self-Reflectiveness (Refleksi Diri) iaitu manusia mampu merenung tentang tindakan mereka sendiri, menilai keberkesanannya, dan membuat pelarasan jika perlu. Refleksi diri ini penting untuk pertumbuhan peribadi dan pembelajaran sepanjang hayat.

Kajian berikutnya yang dijalankan oleh Morris et al. (2017) memfokuskan pada pendekatan kesihatan awam untuk meningkatkan hasil perkembangan kanak-kanak yang hidup dalam keadaan kemiskinan melalui intervensi dalam amalan keibubapaan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana pendekatan kesihatan awam yang tertumpu pada amalan keibubapaan dapat memperbaiki hasil perkembangan kanak-kanak dalam situasi kemiskinan. Penekanan diberikan kepada perlunya intervensi awal yang berfokus pada ibu bapa untuk meningkatkan kesejahteraan dan perkembangan anak-anak. Morris et al. (2017) menggariskan bahawa intervensi yang mensasarkan amalan keibubapaan melalui pendekatan kesihatan awam boleh menjadi alat yang berkuasa dalam meningkatkan hasil perkembangan kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan. Kajian ini menyarankan bahawa pelaburan dalam program-program yang menyokong ibu bapa boleh memberikan pulangan yang signifikan dalam bentuk peningkatan kesejahteraan dan kejayaan jangka panjang bagi kanak-kanak. Kajian ini menyokong pendekatan holistik dan bersepdu dalam menangani isu kemiskinan dan menyarankan agar usaha-usaha kesihatan awam memberi perhatian khusus kepada amalan keibubapaan sebagai strategi utama untuk memperbaiki hasil kehidupan kanak-kanak.

PERBINCANGAN

Pendidikan awal kanak-kanak adalah kritikal dalam pembangunan kemahiran sosial. Melalui pendekatan yang komprehensif dan inklusif yang melibatkan permainan kreatif, interaksi sosial yang positif, dan kerjasama antara ibu bapa dan guru, kanak-kanak boleh membangun kemahiran sosial yang kuat yang akan menyokong mereka sepanjang kehidupan. Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Permainan Kreatif merupakan inisiatif yang penting dalam memastikan kanak-kanak prasekolah mendapat pengalaman pembelajaran yang holistik dan bermakna. Dengan pendekatan yang berstruktur dan berasaskan bukti, modul ini diharapkan dapat menjadi alat yang efektif dalam menyokong perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak prasekolah, serta mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran masa depan dengan lebih yakin dan berdaya saing. Permainan kreatif merupakan alat penting dalam perkembangan sosial kanak-kanak, kerana ia menyediakan peluang untuk mereka belajar dan mengamalkan pelbagai kemahiran sosial dalam persekitaran yang menyeronokkan dan tidak berstruktur. Dalam permainan kreatif, kanak-kanak sering berkongsi alat permainan, bahan, dan ruang. Aktiviti seperti bermain dengan blok, mewarna bersama, atau membina sesuatu secara kolektif mengajar mereka tentang pentingnya berkongsi. Apabila mereka berkongsi, mereka belajar mengenai giliran, menghormati hak orang lain, dan memahami bahawa tindakan mereka boleh memberi kesan kepada orang lain. Ini membentuk asas bagi empati dan kesedaran sosial.

Permainan kreatif memerlukan kanak-kanak untuk berkomunikasi dengan rakan sebaya mereka untuk menyampaikan idea, berkongsi perasaan, dan merancang aktiviti bersama. Contohnya, dalam permainan berperanan, mereka mungkin perlu berbincang mengenai watak atau cerita yang mereka cipta, yang membantu mereka mengembangkan kemahiran lisan, perbendaharaan kata, dan kemampuan untuk memahami dan menggunakan bahasa dengan berkesan. Komunikasi dalam konteks permainan juga memperbaiki kemahiran mendengar dan respons yang sopan. Kerjasama adalah elemen penting dalam banyak permainan kreatif, seperti projek seni kolaboratif atau permainan membina sesuatu bersama. Melalui aktiviti-aktiviti ini, kanak-kanak belajar bagaimana bekerja sebagai satu pasukan, membahagikan tugas, dan mencapai matlamat bersama. Mereka juga belajar menghargai sumbangan orang lain dan memahami bahawa hasil terbaik dicapai melalui kerjasama dan penyatuan pelbagai idea dan usaha. Dalam proses bermain, konflik mungkin timbul, sama ada kerana perbezaan pendapat atau

persaingan untuk sumber yang terhad. Permainan kreatif memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar bagaimana menyelesaikan konflik secara konstruktif. Mereka belajar untuk berunding, mencari kompromi, dan mengenali perasaan serta perspektif orang lain. Pengalaman ini membina kemahiran menyelesaikan masalah dan memperkuatkan kemampuan mereka untuk menangani cabaran sosial dengan cara yang matang dan positif. Secara keseluruhan, permainan kreatif bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga alat pembelajaran yang sangat efektif dalam membina kemahiran sosial yang penting bagi perkembangan holistik kanak-kanak.

Beberapa cadangan aktiviti permainan kreatif yang boleh diamalkan di prasekolah untuk meningkatkan kemahiran social ialah bermain peranan (Role-Play) iaitu doktor dan pesakit di mana kanak-kanak boleh bermain peranan sebagai doktor dan pesakit untuk menggalakkan komunikasi dan pemahaman emosi antara satu sama lain. Aktiviti kedai mainan dengan menyediakan ruang bermain seperti kedai mainan di mana kanak-kanak boleh bergilir-gilir menjadi penjual dan pembeli. Aktiviti ini membantu dalam kemahiran komunikasi dan kerjasama. Aktiviti kekeluargaan iaitu dengan bermain peranan sebagai ahli keluarga (ibu, ayah, anak) membantu kanak-kanak memahami tanggungjawab dan peranan sosial dalam keluarga. Aktiviti lain yang boleh dilakukan ialah permainan kerjasama iaitu permainan berkumpulan. Contohnya seperti permainan seperti membina menara menggunakan blok atau menyusun puzzle secara berkumpulan dapat menggalakkan kemahiran kerjasama dan komunikasi. Aktiviti mencari harta karun secara berkumpulan dapat membina semangat kerjasama dan membantu kanak-kanak belajar menyelesaikan masalah bersama-sama. Permainan berkumpulan kreatif, contohnya, bermain dengan plastisin di mana kanak-kanak perlu bekerjasama untuk mencipta bentuk tertentu. Kanak-kanak boleh bekerja secara berkumpulan untuk melukis mural pada dinding atau kanvas besar, membina semangat kerjasama dan kreativiti. Aktiviti membuat kolaj daripada bahan kitar semula di mana setiap kanak-kanak menyumbangkan bahagian tertentu pada karya tersebut. Kanak-kanak juga boleh diajar untuk menghasilkan karya seni menggunakan bahan-bahan yang dikitar semula, di mana setiap ahli kumpulan menyumbangkan idea dan usaha. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja menggalakkan kreativiti tetapi juga membina kemahiran sosial seperti komunikasi, kerjasama, empati, dan penyelesaian masalah.

RUMUSAN

Pendidikan awal kanak-kanak adalah kritikal dalam pembangunan kemahiran sosial. Melalui pendekatan yang komprehensif dan inklusif yang melibatkan permainan kreatif, interaksi sosial yang positif, dan kerjasama antara ibu bapa dan guru, kanak-kanak boleh membangun kemahiran sosial yang kuat yang akan menyokong mereka sepanjang kehidupan. Kemahiran sosial kanak-kanak merujuk kepada kemampuan mereka untuk berinteraksi dengan orang lain secara berkesan dan membina hubungan yang positif dalam pelbagai situasi sosial. Kemahiran ini termasuk kebolehan untuk berkomunikasi dengan jelas, berkongsi, bekerjasama, berempati, menyelesaikan konflik, dan memahami serta mematuhi peraturan sosial. Perkembangan kemahiran sosial adalah penting kerana ia membentuk asas untuk kehidupan yang berjaya dan sejahtera. Kanak-kanak yang mempunyai kemahiran sosial yang baik cenderung untuk mempunyai hubungan yang lebih kukuh dengan rakan sebaya, guru, dan orang dewasa lain, serta menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik. Kemahiran sosial mula berkembang sejak usia awal melalui interaksi dengan ibu bapa, penjaga, dan rakan sebaya. Aktiviti bermain, terutama permainan kreatif seperti bermain peranan dan permainan kerjasama, memainkan peranan penting dalam mengasah kemahiran sosial ini. Melalui permainan, kanak-kanak belajar untuk mengurus emosi, mengamalkan sabar, dan memahami perspektif orang lain.

Pembangunan kemahiran sosial ini memerlukan persekitaran yang menyokong, di mana kanak-kanak diberi peluang untuk berinteraksi dalam pelbagai situasi sosial, menerima bimbingan daripada orang dewasa, dan belajar daripada pengalaman mereka sendiri. Penekanan pada kemahiran sosial dalam pendidikan awal kanak-kanak juga dapat menyumbang kepada pembentukan individu yang lebih berkeyakinan, berdaya saing, dan berintegriti dalam masyarakat. Permainan kreatif adalah alat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana ia menyokong pelbagai aspek perkembangan, termasuk kognitif, sosial, emosi, dan fizikal. Dengan menyokong teori-teori ini, pendidikan melalui permainan kreatif dapat memberikan pengalaman yang bermakna dan holistik kepada kanak-kanak, membantu mereka berkembang secara menyeluruh. Permainan kreatif adalah aktiviti yang mendorong kanak-

kanak untuk menggunakan imaginasi, berpikir secara bebas, dan mencipta sesuatu yang baru melalui pelbagai bentuk permainan. Aktiviti ini membolehkan kanak-kanak mengekspresikan idea, perasaan, dan pemikiran mereka melalui medium seperti lukisan, bercerita, permainan peranan, dan pembinaan objek. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, permainan kreatif memainkan peranan penting dalam pembangunan kemahiran sosial, kognitif, dan emosi kanak-kanak. Melalui permainan ini, kanak-kanak belajar berinteraksi dengan rakan sebaya, berkongsi idea, bekerjasama dalam kumpulan, serta membina rasa empati dan penghargaan terhadap perbezaan antara individu. Permainan kreatif juga membantu mengembangkan kemahiran menyelesaikan masalah dan meningkatkan keupayaan untuk beradaptasi dengan situasi baru.

Selain itu, permainan kreatif memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengeksplorasi dan bereksperimen tanpa rasa takut melakukan kesilapan, yang penting untuk membina keyakinan diri dan sikap positif terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Dalam perkembangan sosioemosi, permainan kreatif memberi ruang kepada kanak-kanak untuk mengenal pasti dan menguruskan emosi mereka, serta memupuk daya tahan dan kreativiti dalam menghadapi cabaran.

REFERENCES

- Ahmad, N., et al. (2022). Pendidikan Prasekolah di Malaysia: Analisis dan Cadangan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 12(2), 45-60.
- Bandura, A. (2018). Toward a psychology of human agency: Pathways and reflections. *Perspectives on Psychological Science*, 13(2), 130-136.
- Berk, L. E. (2024). Children's Play and Its Role in Development: A Research Perspective. *Childhood Education*, 90(3), 192-199.
- Brown, J., et al. (2022). Creative Play Modules and Social Skills Development in Australian Preschools. *Early Childhood Education Journal*, 50(3), 123-136.
- Brown, T., & Jones, A. (2021). The impact of creative play on preschool children's cooperative skills. *Journal of Early Childhood Education*, 45(3), 123-135.
- Denham, S. A., Bassett, H. H., & Wyatt, T. (2020). The development of emotional competence in preschoolers: A cross-cultural perspective. *International Journal of Behavioral Development*, 44(2), 132-144. <https://doi.org/10.1177/0165025419867317>
- Fleer, M. (2021). Digital playworlds in an era of COVID-19: Intergenerational development of digital play through conceptual-play-worlds. *Mind, Culture, and Activity*, 28(2), 160-174.
- Ginsburg, K. (2022). The Importance of Play in Promoting Healthy Child Development and Maintaining Strong Parent-Child Bonds. *Pediatrics*, 139(1), 182-193.
- Green, S., & White, M. (2023). Empathy development through creative play in early childhood. *Early Childhood Research Quarterly*, 58, 89-101.
- Hanafi, H., & Mahmud, M. (2021). The Influence of Creative Play on Emotional and Social Development in Preschool Children. *Malaysian Journal of Early Childhood Education*, 10(2), 134-147.
- Ismail, S., & Omar, N. (2022). Creative Play Activities to Enhance Social Skills Among Preschool Children. *Journal of Early Childhood Education Research*, 10(3), 123-135.
- Jones, D. E., & Kahn, J. V. (2022). The impact of social-emotional learning on academic success and well-being in early childhood education. *Early Childhood Education Journal*, 50(4), 555-567. <https://doi.org/10.1007/s10643-021-01176-8>
- Lee, H., Kim, J., & Park, S. (2022). Problem-solving skills enhancement through creative play in preschoolers. *Child Development Research*, 37(2), 201-215.
- Lee, J., & Kim, H. (2021). The Impact of Creative Play on the Social Development of Young Children. *Early Childhood Education Journal*, 49(2), 159-170.
- Lee, K., & Goh, S. (2020). Impact of Digital Devices on Social Interaction in Preschool Children. *Journal of Child Development*, 31(4), 456-469.
- Lillard, A. S. (2023). Pretend Play and Cognitive Development. *Psychological Bulletin*, 143(1), 1-36.
- Lim, S., & Wong, T. (2021). Creative Play Intervention Program in Singapore: Outcomes and Implications. *Journal of Early Childhood Education*, 29(1), 78-92.
- Morris, A. S., Robinson, L. R., Hays-Grudo, J., Claussen, A. H., Hartwig, S. A., & Treat, A. (2017). Targeting parenting in early childhood: A public health approach to improve outcomes for children living in poverty. *Child Development*, 88(2), 388-397.
- Pyle, A., & Dannells, E. (2017). A Continuum of Play-Based Learning: The Role of the Teacher in Play-Based Pedagogy and the Fear of Hijacking Play. *Early Education and Development*, 28(3), 274-289.

- Rahman, A. (2023). Kurikulum Prasekolah di Malaysia: Cabaran dan Peluang. *Jurnal Pendidikan*, 28(1), 1-15.
- Russell, J. (2021). Creative Play and Cognitive Development in Young Children. *Early Childhood Research Quarterly*, 36(4), 456-467.
- Smith, P. (2021). Early Childhood Social Skills and Future Behavioral Outcomes. *Journal of Child Psychology*, 37(2), 89-104.
- Smith, L. (2020). The Role of Creative Play in Early Childhood Development. *Journal of Child Development*, 91(3), 345-356.
- Smith, R., Johnson, P., & Williams, L. (2020). Communication skills in preschoolers: The role of creative play. *International Journal of Early Childhood Education*, 32(1), 45-58.
- Tan, M., et al. (2021). Challenges in Implementing Creative Play Activities in Preschools. *Early Years Journal*, 19(3), 205-219.
- WHO. (2023). *World Report on Early Childhood Development: Social and Emotional Well-being*. Geneva: World Health Organization.